

Headline	Artis wajib hadiri kursus dadah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Feb 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	145 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,866	PR Value	RM 8,597



## Artis wajib hadiri kursus dadah

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) akan mewajibkan semua artis yang mahu menjadi ahli persatuan itu supaya menghadiri satu kursus khas anti dadah sebelum mendapatkan kad keahlian.

Presidennya, Zed Zaidi berkata, kursus selama sehari anjuran bersama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dijangka diperkenalkan dalam tempoh terdekat ini.

"Menyedari artis wajar mempunyai imej bersih termasuk bebas daripada najis dadah kerana sering menjadi ikon kepada masyarakat, maka kursus tersebut turut memberi pendedahan tentang bahaya dan keburukan bahan larangan itu," katanya.

Zed yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa AADK Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan berkata, secara keseluruhannya tidak ramai artis tempatan terlibat dalam penagihan dadah tetapi pembabitannya beberapa artis yang dikaitkan dengan dadah sebelum ini sudah cukup untuk 'memalitkan lumpur' dalam dunia hiburan.

"Jumlah artis terlibat dalam dadah mungkin hanya dua peratus daripada 100 peratus atau 20 orang daripada 5,000 artis.

"Malah terdapat penurunan jumlah artis me-

ngambil dadah kerana ramai artis sudah sedar keburukan terlibat dalam gejala negatif itu," ujarnya.

Menurut Zed, berdasarkan pengakuan rakan artis terlibat dalam dadah, mereka mendakwa mengambil bahan larangan itu untuk mendapatkan tubuh ramping bagi artis wanita, manakala artis lelaki menggunakan dadah untuk mendapatkan idea lebih kreatif berkarya.

Beliau berkata, pendedahan mengenai dadah semasa kursus nanti diharapkan dapat menyedarkan artis tentang bahaya dadah yang boleh merosakkan sistem badan dan otak.

"Saya selaku Presiden Seniman merayu rakan-rakan artis yang menjadi ikon masyarakat supaya tunjuk teladan baik. Ubah persepsi masyarakat yang selalu beranggapan artis jahat, tidak bermoral dan hanya tahu hidup dalam kemewahan kerana hakikatnya ia tidak benar," ujarnya.



ZED ZAIDI